



قجابت ستياوسهاكراجان نكري قرليس

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Aras 1, Kompleks Dewan Undangan Negeri

Persiaran Wawasan

01000 KANGAR

PERLIS

TELEFON

Pejabat (Kangar) : 04-9738800

Faks : 04-9738864

Laman Web : www.perlis.gov.my

Rujukan kami : SUK.Ps.01/537 Jld. 16 (93)

Tarikh : 10 September 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Yang Berhormat/ Yang Amat Arif/ Sahibus Samahah/ Yang Dipertua/ Tuan/ Puan,

ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN SECARA PENTADBIRAN (PKPD)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Yang Berhormat/ Yang Amat Arif/ Sahibus Samahah/ Yang Dipertua/ Tuan/ Puan, Menteri Kanan Pertahanan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat Secara Pentadbiran (PKPD) di Daerah Kota Setar mulai 11 September 2020 hingga 25 September 2020. Selaras dengan pelaksanaan PKPD Secara Pentadbiran, penduduk di kawasan tersebut telah dikuarantinkan (*Home Isolation Order*) dan orang awam di luar kawasan PKPD Secara Pentadbiran tidak dibenarkan masuk ke kawasan tersebut.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas, Ketua Jabatan adalah dipohon untuk mengenalpasti dan mengarahkan pegawai yang terjejas akibat pelaksanaan PKPD Secara Pentadbiran untuk bekerja dari rumah dalam tempoh perintah berkenaan berkuatkuasa. Ketua Jabatan hendaklah memberi penjelasan tentang penentuan skop fungsi tugas kakitangan yang bekerja dari rumah. Di samping itu perkhidmatan serta urusan secara atas talian perlulah dipertingkatkan serta membuat hebahan mengenai urusan yang boleh dilaksanakan secara atas talian.

4. Bagi pegawai yang diarah untuk bekerja dari rumah, perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi :

- a) sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat/ bekerja yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- b) sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain; dan

- c) memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam waktu pejabat dengan memastikan telefon peribadi dan email masing-masing boleh dihubungi sepanjang masa bagi tujuan menerima panggilan yang berkaitan dengan tugas di jabatan, arahan semasa daripada Ketua Jabatan atau apa-apa tujuan yang berbentuk kecemasan di jabatan.

5. Ketua Jabatan juga perlu memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) keselamatan dan kesihatan dipatuhi sepenuhnya seperti melaksanakan saringan suhu badan, mengamalkan penjarakan sosial, memakai pelitup muka serta menyediakan *hand sanitizer*. Selain itu, Ketua Jabatan juga hendaklah sentiasa peka dan mematuhi semua peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai langkah pencegahan wabak COVID-19. Untuk rujukan dan makluman mengenai SOP berkaitan PKPD Secara Pentadbiran bolehlah dirujuk di laman sesawang Majlis Keselamatan Negara.

6. Ketua Jabatan adalah dipohon untuk mengemukakan melalui e-mel senarai kakitangan yang terlibat dengan pelaksanaan PKPD Secara Pentadbiran untuk tujuan pemantauan. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan arahan ini bolehlah diajukan kepada pegawai-pegawai seperti berikut:


- i. Maslina binti Che Lin @ Halim
Tel : 019-226 7770
E-mel : maslina@perlis.gov.my
- ii. Mohd Khairul Amry bin Yahaya
Tel : 011-1008 603
E-mel : khairul.amry@perlis.gov.my

7. Kerjasama Yang Berhormat/ Yang Amat Arif/ Sahibus Samahah/ Yang Dipertua/ Tuan/ Puan dalam melaksanakan arahan ini adalah amat dihargai dengan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Tel : 04-9738961
E-mel : maslina@perlis.gov.my
Faks : 04-9738864